

BAB LIMA

RUMUSAN, PERBINCANGAN

DAN CADANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan dapatan kajian akan diuraikan. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah rumusan dapatan kajian, perbincangan dapatan kajian, dan implikasi kajian serta cadangan-cadangan yang perlu dipertimbangkan, sama ada oleh pihak-pihak berkenaan mahupun untuk kajian selanjutnya.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui seberapa besar persepsi guru tentang tingkat kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional mereka. Terutama sekali kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah pembolehubah-pembolehubah terpilih iaitu amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional tersebut mempunyai hubungan korelasional dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, baik secara berasingan ataupun bersama-sama.

Kaedah pengumpulan data yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah survey dengan teknik korelasional, iaitu *Pearson Product Moment Correlation Coefficient*. Responden kajian ini seramai 180 guru Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten yang berasal dari 210 sekolah pemerintah dan sekolah biasa yang tersebar di Provinsi Banten Indonesia iaitu Kota Tangerang, Kota Tangerang Selatan, Kabupaten Tangerang, Kota Serang, Kabupaten Serang, Kota Cilegon, Kabupaten

Pandeglang dan Kabupaten Lebak. Kajian ini juga menggunakan soal selidik mengenai kepemimpinan instruksional pengetua, amalan pengurusan berasaskan sekolah diperkembangkan dari literatur dan dokumen polisi pengurusan berasaskan sekolah di Indonesia serta kecerdasan emosional.

Secara keseluruhan kajian ini mendedahkan bahawa tahap persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah adalah bersetuju dan memuaskan; persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah bersetuju dan memuaskan; tahap persepsi guru tentang amalan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah tinggi dan memuaskan.

Dapatan kajian pula menunjukkan wujud hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, wujud hubungan persepsi guru tentang kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia; dan wujud hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian menghuraikan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah, kecerdasan emosional dan peranan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Secara keseluruhan kajian ini mendedahkan bahawa kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah tergolong baik dan

tinggi, amalan pengurusan berasaskan sekolah adalah tergolong baik dan tinggi, dan tingkat kecerdasan emosional adalah tergolong baik dan tinggi pula. Dapatan kajian pula menunjukkan amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional memiliki hubungan dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Perbincangan dapatan kajian dalam kajian ini dihuraikan sesuai dengan soalan-soalan kajian yang telah diuji dengan analisis hipotesis iaitu:

1. Hubungan Persepsi Guru Tentang Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah Dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Terdapat hubungan positif dan signifikan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang ditunjukkan oleh koefisien korelasi $r_{xy} = 0.34$ dan koefisien determinasi $r^2 = 11$, nilai t_{hitung} sebesar 4.73 yang jauh lebih besar dari nilai t_{jadual} pada taraf signifikan 0.05 iaitu 1.65. Pola hubungan antara kedua pembolehubah dinyatakan oleh persamaan $\hat{Y} = 38.44 + 0.39X_1$. Dari persamaan ini didapat informasi bahawa setiap perubahan 1% persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah akan mengakibatkan terjadinya perubahan persepsi guru tentang kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 0.39%. Jadi semakin tinggi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah maka akan meningkatkan persepsi guru tentang amalan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia .

Berdasarkan analisis diatas, dapatan kajian menyatakan bahawa terdapat hubungan persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi

Banten Indonesia. Pengurusan berasaskan sekolah merupakan salah satu pilar dalam rangka pelaksanaan autonomi pendidikan pada tingkat sekolah dalam rangka penerapan kurikulum tingkat satuan pendidikan. Amalan pengurusan berasaskan sekolah pada dasarnya pemerkasaan sekolah dengan memberikan autonomi kepada sekolah untuk menentukan polisi sekolah dalam rangka meningkatkan kualiti. Matlamat pengurusan berasaskan sekolah adalah untuk: a) Meningkatkan efisiensi, melalui keleluasaan pengelolaan sumber daya yang ada; b) Meningkatkan kualiti melalui partisipasi orang tua, kelenturan pengelolaan sekolah, profesionalisme dan lain-lain; d) Menyediakan pemerataan pendidikan melalui partisipasi masyarakat yang mampu dan yang kurang mampu menjadi tanggungjawab pemerintah.

Dalam hal penerapan amalan pengurusan berasaskan sekolah adalah pengetua yang dapat merumuskan, menjelaskan dan mengaktualisasikan, misi sekolah, melaksanakan fungsi pengurusan strategik, menerapkan berbagai stail dalam pengambilan keputusan, penggunaan sumber daya, memiliki kualiti dalam pentadbiran, dan memberikan peranan yang dimainkan masing-masing elemen di sekolah (Rahmad Syukor Abd; 1997).

Hasil kajian yang dilakukan oleh Cheng (1996), Sergiovani (2001), Rodriguez (2000) dan Hill and Bonan (1991), pengurusan berasaskan sekolah telah mendorong keperluan untuk meningkatkan prestasi belajar pelajar dan perubahan institusi pendidikan kearah yang lebih baik. Prestasi pelajar dan prestasi institusi pendidikan sekolah merupakan keberjayaan kepimpinan instruksional pengetua sekolah.

Dan telah diterbitkannya dasar desentralisasi pengurusan pendidikan di Indonesia sepertimana disyaratkan oleh *Undang-Undang Nombor 32 Tahun 2004* bahawa gagasan pengurusan berasaskan Sekolah semakin mengemuka. Hingga saat ini pengetua sekolah di Indonesia telah mengamalkan pengurusan berasaskan

sekolah. Seperti diungkapkan Nurkolis (2003), bahwa Pengurusan berasaskan sekolah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan secara am sama ada melibatkan kualiti pembelajaran, kualiti kurikulum, kualiti sumber insan, dan kualiti pelayanan pendidikan. Bagi sumber insan, peningkatan kualiti bukan hanya meningkatkan pengetahuan dan keterampilannya, melainkan meningkatkan kesejahteraannya pula.

Berkaitan dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah bagaimana seorang pengetua dapat menjalankan fungsi-fungsi yang meliputi seperti diungkapkan Mulyasa (2004) dalam paradigma baru pengurusan pendidikan, pengetua sekolah sedikitnya harus mampu berperan sebagai “pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pimpinan, pencetus inovasi, pencetus motivasi.”

2. Hubungan Antara Persepsi Guru Tentang Kecerdasan Emosional dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas

Terdapat hubungan positif dan signifikan antara persepsi guru tentang kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang ditunjukkan oleh $r_{xy} = 0.50$ dan koefisien determinasi $r^2 = 0.25$ nilai t_{hitung} sebesar 7.77 yang jauh lebih besar dari nilai t_{jadual} pada taraf signifikan 0.05 yaitu 1.65. Pola hubungan antara kedua pemboleh ubah dinyatakan oleh persamaan $\hat{Y} = 9.52 + 0.48X_2$. Dari persamaan ini didapat informasi bahawa setiap perubahan 1% kecerdasan emosional akan mengakibatkan terjadinya perubahan kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 0.48%. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi kecerdasan emosional yang dimiliki pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia,

maka semakin tinggi pula tingkat kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia atau dengan kata lain apabila kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia meningkat maka kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia akan meningkat.

Kecerdasan emosional menurut Cooper (1988) adalah “kemampuan mengindra, memahami dengan efektif merupakan kekuatan dan ketajaman emosi sebahagai sumber energi, informasi dan pengaruh. Kecerdasan emosional meliputi: mengenal emosi diri, mengelola emosi, memotivasi diri sendiri, mengenal emosi orang lain, dan seni membina hubungan.

Hal-hal yang berkaitan dengan emosi, kesadaran diri, motivasi, empati, hubungan sosial, dan kerja berpasukan merupakan bahagian dari emosi seseorang. Emosi-emosi ini harus dikelola dengan baik. Seseorang yang dapat mengelola emosinya dengan baik maka dalam kehidupannya akan berjaya. Sebaliknya jika seorang gagal mengelola emosinya atau tidak cerdas emosinya maka seseorang akan sering mengalami kegagalan dan walaupun berkembang tidak maksimum. Begitu juga dengan pengetua banyak mereka yang kurang berhasil atau tidak maksimum dalam kepemimpinannya kerana mereka tidak bisa mengelola emosi yang ada dalam dirinya.

Kecerdasan emosional berfungsi membantu dan membimbing pikiran dan rasa ingin tahu, membuat kita berpikir tentang cara menghindari bahaya marah membantu kita mengatasi hambatan-hambatan untuk mendapat yang kita butuhkan dan kita dapat menemukan kebahagiaan dalam kebersamaan orang lain.

Berkaitan dengan pengetua sebagai pemimpin menurut Terry (1993) ada 10 hal tugas kepemimpinan iaitu: 1) menetapkan visi dan misi, 2) menetapkan nilai, 3) menumbuhkan nilai, 4) memotivasi, 5) mengelola, 6) mencapai kesatuan kerja, 7)

memberi penjelasan, 8) simbol pelayanan, 9) perwakilan kelompok, dan 10) pembaharu.

Pengetua sekolah merupakan salah satu komponen pendidikan yang paling berperanan dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Seperti yang diungkapkan Supriadi (1998) bahawa: “Erat hubungannya antara kualiti pengetua sekolah dengan pelbagai aspek kehidupan sekolah seperti disiplin sekolah, suasana budaya sekolah, dan menurunnya perilaku pelajar nakal”.

Dalam pada itu, pengetua bertanggungjawab dalam pendidikan secara mikro, secara langsung ianya berkaitan dengan proses pembelajaran disekolah, dan kecerdasan emosional pada dasarnya dapat diterapkan dalam berbagai tempat, situasi, kondisi dan waktu. Kecerdasan emosional dapat diterapkan secara luas untuk bekerja, belajar, mengajar, mengasuh anak, persahabatan, dan rumah tangga (Agus Ngermanto, 2003).

Pada tahun 1985, Reuven Bar-on telah memperkenalkan konsep Kecerdasan Emosional (EQ). Beliau menerapkan pendekatannya untuk menyelidiki kecerdasan. Kemudian itu merupakan keupayaan seseorang untuk berhadapan dengan orang lain dan penerimaan diri sendiri dengan berjaya. Beliau memajukan Bar-On EQ-i selepas kajian selama menjalankan 17 tahun. Inventori ini adalah inventori pengukuran kecerdasan emosional yang pertama yang mempunyai kesahan secara saintifik. Inventory ini menggambarkan keupayaan seseorang untuk menghadapi cabaran persekutuan harian dan membantunya meramalkan kejayaan hidupnya, termasuk pengajaran profesional dan pribadi (Abi Samra, 2000). Kecerdasan emosi menggabungkan penentu-penentu keupayaan seseorang yang penting untuk menghadapi permintaan persekitaran dengan berjaya.

3. Hubungan Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah dan Kecerdasan Emosional secara Bersama-sama dengan Kepimpinan Instruksional Pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia.

Secara bersama-sama terdapat hubungan positif dan signifikan antara amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama dengan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang ditunjukkan oleh F_{hitung} sebesar 37.37 yang jauh lebih besar dari pada F_{jadual} sebesar 3.04 pada tingkat signifikansi 0.05 sehingga regresi ganda adalah signifikan. Berdasarkan analisis korelasi ganda diperoleh perhitungan koefisien korelasi ganda ($R_{y.12}$) sebesar 0.54 dan koefisien determinasi ($R^2_{y.12}$) sebesar 0.30, bererti bahawa variansi yang terjadi pada prestasi pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebesar 30% bisa dijelaskan secara bersama oleh pemahaman pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional melalui persamaan $\hat{Y} = -25.57 + 0.25X_1 + 0.42X_2$ yang telah diuji keberertiannya. Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa peningkatan amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara bersama-sama akan meningkatkan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia .

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara am amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional berinteraksi dan menjadi peramal terhadap kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Pengurusan berasaskan sekolah merupakan strategik untuk mewujudkan sekolah yang berkesan dan produktif. Istilah ini pertama kali muncul di Amerika Syarikat ketika masyarakat mula mempertanyakan relevansi pendidikan dengan tuntutan dan perkembangan masyarakat setempat pengurusan berasaskan sekolah merupakan paradigma baru dalam pengurusan pendidikan, yang

memberikan otonomi luas pada sekolah, dan keterlibatan masyarakat dalam kerangka kebijakan pendidikan nasional. Autonomi diberikan agar sekolah dengan bebas mengelola sumber daya, sumber dana, sumber belajar dan mengalokasikannya sesuai prioritas keperluan, serta lebih tanggap terhadap keperluan setempat.

Sejalan dengan itu (Saud, 2002) mengatakan: berdasarkan pelaksanaan di negara maju mengemukakan bahawa karakteristik dasar pengurusan berasaskan sekolah adalah: a) memberikan autonomi yang luas kepada sekolah; b) penyertaan masyarakat dan orang tua pelajar; c) kepimpinan sekolah yang demokratis dan profesional; d) Adanya kerja berpasukan yang tinggi dan profesional (kerja berpasukan yang kompak dan transparan).

Menurut Casey dan Cob (2000) IQ (*intelligence Quotion*) yang tinggi bisa menjadi bumerang jika EI (*Emotional Intelligence*) tidak mengimbangnya. Untuk memanfaatkan atau mengembangkan kecerdasan kognitif sampai puncaknya dibutuhkan kecerdasan emosional yang memadai. Semakin tinggi kecerdasan emosional seseorang, maka semakin besar kemungkinan untuk berjaya sebagai pekerja, orang tua, pengurus, anak dewasa bagi orang tua kita, mitra bagi pasangan hidup kita atau calon untuk suatu posisi jawatan.

Rivai (2005) mengutip hasil studi yang dilakukan oleh Laze dan Wikstrom mengenai faktor-faktor prestasi kerja yang dinilai oleh 125 perusahaan di Amerika Syarikat yang didalamnya memuat faktor am yang memiliki kesamaan di 61 perusahaan meliputi: “Pemahaman tentang pekerjaannya, kepimpinan, inisiatif, kualiti pekerjaan, kerjasama, pengambilan keputusan, kreativiti, dapat ditandingi, perancangan, komunikasi, kecerdasan, pemecahan masalah, pendelegasian, sikap, usaha, motivasi dan organisasi.”

Pengetua yang bejaya adalah pengetua yang mampu menjelaskan visi, misi dan matlamat sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, memantau kemajuan pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran, menggalakkan iklim pembelajaran dan pengajaran, dan perkembangan staf/perkembangan profesional, serta kerjasama dengan pihak luar yang dikemukakan oleh Husein Mahmod (1997).

5.4 Implikasi Kajian

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, maka dapat dirumuskan beberapa implikasi hasil kajian ini. Perumusan implikasi kajian menekankan pada upaya untuk meningkatkan amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecedasan emosional, sehingga kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah di Provinsi Banten Indonesia dapat diwujudkan dengan baik, dan pada akhirnya dapat melaksanakan aktiviti kepemimpinan pendidikan dan pengajaran dengan baik dan menjadi guru yang bertanggungjawab atas tugas utamanya sebahagai “pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pimpinan, pencetus inovasi dan pencetus motivasi”, maka berikut ini akan disajikan upaya-upaya dalam peningkatan kepemimpinan instruksional pengetua iaitu :

1. Hasil kajian menyimpulkan bahawa amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional memiliki pengaruh cukup besar terhadap kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Makin tinggi atau makin baik amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional cenderung makin tinggi kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Sangat disedari bahawa amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional secara langsung mahupun tidak langsung akan mempengaruhi kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Dengan

amalan pengurusan berasaskan sekolah yang baik serta kecerdasan yang tinggi akan meningkatkan kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dalam mengelola lembaga pendidikan sekolah. Amalan pengurusan berasaskan sekolah itu sendiri sangat penting, dan menentukan tercapai tidaknya matlamat pengurusan organisasi sekolah. Amalan pengurusan berasaskan sekolah akan mendorong pengetua untuk melaksanakan tugas sebagai “pendidik, pengurus, pentadbir, penyelia, pencetus inovasi, dan pencetus motivasi. Jika amalan pengurusan berasaskan sekolah pengetua kurang baik maka kemungkinan tercapainya matlamat Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia sebagai lembaga pendidikan yang berkualiti sulit untuk dicapai. Kerana terdapat sebahagian pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang memiliki amalan berasaskan sekolah cukup baik, namun masih terdapat pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia yang memiliki amalan pengurusan berasaskan sekolah yang kurang baik. Dalam hal ini pengetua diharapkan lebih mahir menumbuhkan kesedaran dalam dirinya tugas peran dan fungsinya dalam organisasi sekolah.

2. Kecerdasan emosional memiliki kontribusi yang cukup bererti terhadap tingkat kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, maka pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia harus dapat mengelola kecerdasan emosional dengan baik. Kecerdasan emosional pada dasarnya berkaitan dengan kemampuan pengetua menumbuhkan kesedaran diri dengan mengetahui apa yang dirasakan, mampu mengambil keputusan secara mandiri, memiliki tolak ukur yang realistik atas kemampuan diri, serta memiliki kepercayaan diri.

Dengan kesedaran akan kemampuan diri maka pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia akan berusaha meningkatkan kekurangan yang

ada pada dirinya khususnya sebagai pengetua yang merupakan pimpinan lembaga pendidikan di tingkat Sekolah, harus tahu dan sadar tugas dan tanggungjawabnya sebagai pemimpin dan pengurus. Dengan kemampuan mengetahui dan melaksanakan tugas sebagai pemimpin dan pengurus sekaligus penyelia pendidikan pada tingkat Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, pengetua akan berpikir positif dan selalu optimis dalam menjalankan tugasnya, sehingga muncul rasa percaya diri dan tanggungjawab untuk memberikan arahan, bimbingan serta membantu memecahkan permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan pendidikan, pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung di sekolah.

3. Kepimpinan instruksional pengetua sekolah merupakan: 1) pengembangan diri, 2) kerja kumpulan, 3) komunikasi, 4) jumlah produk yang dihasilkan dan 5) keputusan yang dibuat dan kemampuan dalam menjalankan tugas dan fungsi sebagai pendidik, pimpinan, pengurus, pentadbir, penyelia, pencetus inovasi dan pencetus motivasi. Upaya yang dapat dilakukan dalam meningkatkan amalan pengurusan berasaskan sekolah. Upaya peningkatan amalan pengurusan berasaskan sekolah dapat dilakukan dengan melakukan pendidikan dan pelatihan oleh pejabat terkait. Peningkatan amalan berasaskan sekolah juga dapat dilakukan secara mandiri oleh pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia dengan membaca literatur-literatur mengenai pengurusan berasaskan sekolah dan juga dapat dilakukan dengan mengadakan persiaran ke sekolah-sekolah lain dengan melihat sendiri bagaimana penerapan pengurusan berasaskan sekolah yang dilanjutkan dengan dialog.

Faktor lain yang dapat mendukung kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia adalah melalui peningkatan kecerdasan emosional. Peningkatan kecerdasan emosional pengetua dapat dilakukan

melalui proses latihan-latihan yang dilakukan secara berkesinambungan yang dilaksanakan secara khas oleh lembaga-lembaga yang menyelenggarakan pelatihan kecerdasan emosional dengan difasilitasi instansi terkait atau lembaga-lembaga tertentu. Kecerdasan emosional pengetua juga dapat dilakukan secara mandiri dengan latihan mengendalikan dan menahan emosi, latihan kepekaan sosial, melalui pengamalan nilai-nilai sosial kemasyarakatan dan keagamaan.

5.5 Cadangan

Berdasarkan beberapa kesimpulan dan implikasi di atas, ada beberapa cadangan yang dapat dikemukakan diatas. Antaranya :

1. Kementrian Agama Republik Indonesia khususnya Kantor Wilayah Kementrian Agama di Provinsi Banten Indonesia agar membuat program dan melaksanakan lebih intensip lagi pelatihan dan pengembangan pengurusan berasaskan sekolah dengan mendatangkan pakar di bidangnya, atau nara sumber praktisi yang memiliki pengalaman dalam menerapkan pengurusan berasaskan sekolah dalam rangka meningkatkan amalan pengurusan berasaskan sekolah, kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Di samping pendidikan dan pelatihan pengurusan berasaskan sekolah, perlu juga diadakan pendidikan dan pelatihan kecerdasan emosional bagi pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia oleh Kantor Wilayah Kementrian Agama di Provinsi Banten Indonesia dalam rangka meningkatkan kecerdasan emosional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas yang ada di Provinsi Banten Indonesia.
2. Pengetua harus memiliki kesedaran dan tanggungjawab yang lebih tinggi lagi untuk selalu bersaha meningkatkan pengetahuan dan kepemimpinan termasuk dalam amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional. Kemahuan untuk

meningkatkan amalan pengurusan berasaskan sekolah selalu tidak hanya sebatas teoritikal, tetapi harus diaplikasikan secara praktikal dan dalam penerapan pengurusan berasaskan sekolah harus terus ditingkatkan dan disempurnakan agar lembaga pendidikan sekolah dapat diurus dan dikelola secara maksimum dalam rangka mewujudkan tuntutan *stakeholder* pendidikan akan lembaga pendidikan sekolah yang berkualiti.

3. Mengingat amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional berdasarkan hasil kajian sama-sama memiliki hubungan dan pengaruh terhadap kepemimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia , maka keduanya perlu ditingkatkan baik secara sendiri-sendiri mahupun secara bersama-sama atau diadakan sinergi antara keduanya.
4. Penyelidik lain dapat mengembangkan dan memperluas dengan memperdalam pembolehubah yang sudah dikaji dan ditambah dengan pembolehubah lain sehingga dapat memberikan informasi yang lebih komprehensif dalam meningkatkan prestasi pengetua.

5.6 Penutup

Perbincangan bab ini telah menyentuh berkaitan dengan dapatan kajian dengan mengkaitkan dapatan-dapatan signifikan dengan kajian lapangan dan aspek-aspek teoritikal kajian. *Pertama* amalan pengurusan berasaskan sekolah baik dan tingkat kecerdasan emosional baik. *Kedua*, wujud hubungan antara amalan pengurusan berasaskan sekolah dengan kepemimpinan instruksional pengetua di Sekolah Agama Menengah Atas Provinsi Banten Indonesia. *Ketiga* wujud hubungan antara kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional pengetua di Sekolah Menengah Agama Atas Provinsi Banten Indonesia. *Keempat* wujud hubungan antara amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dengan kepemimpinan instruksional

pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia, dan subskala-subskala amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional menjadi peramal kepimpinan instruksional pengetua Sekolah Agama Menengah Atas di Provinsi Banten Indonesia. Keberkesanan pengetua Sekolah Agama Menengah atas di Provinsi Banten Indonesia dalam melaksanakan peranan dan tugas mereka di sekolah akan dapat membantu merealisasikan misi, visi dan matlamat Kementerian Agama di Provinsi Banten Indonesia. Pengetua yang berkesan akan membantu mewujudkan sekolah yang berkesan dan cemerlang.

Kajian ini akan berfaedah bagi pengembangan ilmu pengetahuan iaitu :

1. Untuk menggali hubungan dan pengaruh amalan pengurusan berasaskan sekolah, dan kecerdasan emosional terhadap kepimpinan instruksional pengetua sekolah. Dan ketiga variabel tersebut sangat penting kerana peningkatan kualiti sekolah agama akan menjadi salah satu bukti yang menentukannya keberjayaan pengetua sekolah.
2. Untuk memberi kesedaran kepada pengetua dan bakal-bakal pengetua mengenai jangkaan-jangkaan bidang tugas dan aktiviti pengurusan supaya mereka boleh membuat persediaan yang lebih mantap untuk memenuhi sebahagian besar daripada jangkaan-jangkaan tersebut kelak.
3. Sebagai inspirasi bagi penyelidik lain dalam bidang yang berkaitan yang memiliki keinginan untuk mengamalkan kajian dengan topik sama dan kes yang sama di Provinsi Banten atau di tempat lain yang berbeza untuk memperkuat atau melihat pergeseran dari teori yang ditemukan dalam kajian ini.

Yang dipelajari daripada kajian ini iaitu secara teoritik untuk mengetahui hubungan dan kontribusi persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah dan kecerdasan emosional dan kepimpinan instruksional pengetua dengan baik secara berasingan antar dua pembolehubah mahupun secara bersamaan boleh memberikan

sama sekali tidak memberikan hubungan terhadap kepemimpinan instruksional pengetua. Dengan demikian hasil yang diperoleh melalui kajian ini untuk akan menjadi fakta yang obyektif dalam mengambil keputusan tentang hubungan dan kontribusi atau daya prediksi kedua pembolehubah tersebut terhadap kepemimpinan instruksional pengetua pada sekolah agama menengah atas di provinsi Banten Indonesia dalam menyelenggarakan aktiviti organisasi sekolah.

Falsafah yang digunakan dalam kajian ini adalah falsafah pendidikan. Pada pendapat Geltner (1981) terdapat lima peranan pengetua berkaitan dengan keberkesanannya dari segi iklim dan pencapaian sekolah, berikut ini adalah peranan-peranan tersebut :

1. Pengetua dianggap sebagai ahli falsafah pendidikan, pengetua dianggap sebagai orang penting oleh guru-guru dalam kehidupan di sekolah.
2. Pengetua dianggap sebagai model pendidikan, guru-guru menganggap pengetua sebagai model yang boleh merubah tingkah laku guru dengan menunjukkan contoh dan tauladan yang baik.
3. Pengetua dianggap sebagai penolong pendidikan, kerana pengetua dianggap sebagai sumber untuk membolehkan sokongan, kerana dengan adanya sokongan dari pengetua maka guru akan mendapatkan kesan yang mendalam terhadap guru dan akan meningkatkan profesionalisme guru.
4. Pengetua dianggap sebagai rakan sependidikan, pengetua dianggap rakan sepekerjaan dalam hubungan antara pelajar dengan ibu bapa, kerana pengetua memiliki pengetahuan luas tentang program pendidikan, prestasi akademik pelajar serta berusaha membuat keputusan secara kumpulan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran.

5. Pengetua sebahagai orang yang memulakan perubahan pendidikan, kerana pengetua merupakan penentu utama dalam amalan inovasi di sekolah, berkesan dan berjayanya sebuah sekolah bergantung dari kepimpinan seorang pengetua.

Nasihat dari pada kajian ini diharapkan :

1. Pihak pengetua sekolah menilai dan memperbaiki kepimpinannya dalam merealisasikan konsep sekolah yang produktif dan berkesan.
2. Persepsi guru tentang amalan pengurusan berasaskan sekolah serta kecerdasan emosional yang terjadi dalam satu organisasi sekolah, dengan mengetahui amalan berasaskan sekolah dengan benar, dan direalisasikan dalam aplikasi sekolah akan menghasilkan produktiviti guru dan pelajar dengan baik, selain itu kecerdasan emosional juga wajib diperhatikan oleh pengetua Sekolah Agama. Kecerdasan emosional yang terjadi di sekolah harus dikontrol dan dikawal untuk meningkatkan dan menunjang proses belajar di sekolah, apabila kedua hal ini boleh dijalankan dengan benar maka kepimpinan instruksional pengetua sekolah otomatis akan meningkat pula seiring dengan peningkatan prestasi sekolah dengan dilihat dari kualiti pendidikan dan kualiti lulusan pelajar.

Akhir sekali bab ini juga telah menyentuh tentang rumusan dapatan utama kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi daripada dapatan kajian, dan cadangan dapatan kajian dan cadangan kajian yang akan datang.